

Pemilihan PKR: Keterbukaan Anwar suburkan demokrasi

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Kenyataan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim yang terbuka jawatan Presiden dan Timbalan Presiden PKR dipertandingkan pada pemilihan parti itu, disifatkan langkah demokratik dan positif.

Ahli Parlimen Pasir Gudang yang juga bekas Pengerusi PKR Johor, Hassan Abdul Karim berkata, keterbukaan Perdana Menteri itu menyuburkan amalan demokrasi dalam parti sekali gus memberi peluang kepada lebih satu juta ahli memilih kepimpinan tertinggi PKR.

“PKR adalah parti demokrasi dan bukan hari-hari kita adakan pemilihan tapi tiga tahun sekali. Ini amat positif dan memberikan gambaran yang baik kepada anak muda dan mereka akan berminat dengan PKR.

“Kita harap perkara ini (amalan seperti ini) akan diteruskan



HASSAN Abdul Karim (tiga kiri) menggaui Yee Sang pada Rumah Terbuka Parlimen Tebrau 2025 Bersama PKR Johor di Johor Bahru, semalam.

bukan sahaja dalam pemilihan kali ini tetapi juga pemilihan pada tahun-tahun akan datang,” katanya kepada pemberita selepas hadir Rumah Terbuka Parlimen Tebrau 2025 Bersama PKR

Johor di sini, semalam.

Kelmarin, Anwar berkata, beliau menyerahkan kepada parti itu untuk memutuskan sama ada jawatan Presiden dan Timbalan Presiden PKR perlu

dipertandingkan atau tidak, pada pemilihan Mei depan.

Kata Anwar, beliau menghormati demokrasi dalam parti dan tidak mahu mencampuri urusan berkenaan.